
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**JPS 413 - PERKEMBANGAN KEMAHIRAN BERBAHASA
DAN MATEMATIK**

Masa : 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab SOALAN NO.1 dan TIGA soalan lain.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

SOALAN WAJIB

1. Berdasarkan teori tingkah laku, iaitu pembelajaran kanak-kanak dipengaruhi oleh faktor persekitaran, bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh guru dalam mencorakkan proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di sekolah.

(25 markah)

Pilih TIGA (3) soalan.

2. (a) Jelaskan maksud Bahasa Reseptif (*Receptive Language*) dan Bahasa Ekspresif (*Expressive Language*).

(5 markah)

- (b) Kanak-kanak dikatakan boleh berbahasa sekiranya mereka menguasai 'kemahiran berbahasa'. Berserta dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan kemahiran-kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai kanak-kanak.

(20 markah)

3. "Matematik adalah satu **proses berterusan** dan kanak-kanak perlu belajar daripada pengalaman konkrit berpindah kepada gambar, simbol dan kepada seterusnya aktiviti-aktiviti yang bersifat abstrak."

(Feldman, J.R.,1991)

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan **proses berterusan** dalam pernyataan di atas?

(5 markah)

- (b) Dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai, huraikan pernyataan "...kanak-kanak perlu belajar daripada pengalaman konkrit berpindah kepada gambar, simbol dan seterusnya kepada aktiviti-aktiviti yang bersifat abstrak."

(20 markah)

4. 'Dendaan' dan 'pujian' adalah perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan.

(25 markah)

5. "...susah senang mata pelajaran Matematik bergantung kepada bahasa yang digunakan, sama ada bahasa dalam buku teks atau bahasa guru..."
(Clements, 1982)

Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan pengaruh bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.

(25 markah)

6. Dengan menggunakan kaedah 'Think-Aloud', sediakan rancangan mengajar bacaan dan kefahaman Bahasa Melayu untuk murid-murid Tahun 6.

(25 markah)